



**GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI
FASA PERALIHAN**

KOLAM RENANG

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
19 November 2021**

GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI FASA PERALIHAN: KOLAM RENANG

Dokumen ini menyediakan langkah-langkah bagi KOLAM RENANG beroperasi semasa Fasa Peralihan dalam rangka kerja pemulihan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Fasa peralihan bermula pada tahap 70% perlindungan vaksinasi. **Perlaksanaan Pelan Tahap Peralihan** bagi KOLAM RENANG akan bermula pada hari **Jumaat, 13 Rabiulakhir 1443 bersamaan 19 November 2021**, dengan syarat-syarat dan garis panduan yang dikemaskinikan seperti berikut:

1. Dibukakan kepada individu yang telah menjalani **vaksinasi penuh (2 dos)** dan **Bruhealth code** berwarna hijau atau kuning sahaja;
2. Kolam Renang **beroperasi dengan kapasiti 50% dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti kolam renang**;
3. **Pertandingan atau Kejohanan Renang tidak dibenarkan.**
4. Bagi **Kolam-Kolam Renang** dibawah kawalan **Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan** ianya akan **dibukakan setiap hari**;
5. Hari-hari operasi bagi **Kolam-Kolam Renang lain** adalah **tertakluk kepada pemilik masing-masing**;
6. **Menghadkan masa kepada 2 jam sehari bagi setiap pengguna. Masa Operasi** adalah seperti berikut :
 - 8.00 pagi hingga 10.00 pagi
 - 10.00 pagi hingga 12 tengahari (kecuali hari Jumaat sehingga jam 11.30 pagi)
 - 2.00 petang hingga 4.00 petang (kecuali hari Jumaat dari 2.30 petang)
 - 4.00 petang hingga 6.00 petang
7. Pemilik kolam renang untuk memastikan **tahap klorin adalah mengikut piawaian kesihatan** yang ditetapkan;
8. **Kafeteria, restoran atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **kapasiti 50% dan perkhidmatan buffet tidak dibenarkan**;

Syarat dan garis panduan lain adalah seperti **Perincian lanjut** digariskan dalam **Lampiran A**.

Penggunaan Kolam Renang hendaklah mematuhi peraturan kerajaan. Bagi kesediaan operasi Fasa Peralihan, langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan.

1. TANGGUNGJAWAB PENGGUNAAN KOLAM RENANG DIBAHAGIKAN KEPADA TIGA ASPEK: GARIS PANDUAN UMUM, TEMPAHAN AND PERATURAN KOLAM RENANG

a. Garis Panduan Umum.

- (1) Membuat pendaftaran dan rekod yang sesuai di pintu masuk bagi tujuan pengesanan kontak, jika diperlukan. (Setiap fasiliti perlu mendaftar melalui aplikasi *Bruhealth* di laman sesawang www.healthinfo.gov.bn/register untuk penjanaan **QR code** bagi pendaftaran pengguna).
- (2) Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan dan sanitasi tangan disediakan di pintu masuk dan tempat-tempat yang bersesuaian.
- (3) Dibukakan kepada individu yang telah menjalani **vaksinasi penuh (2 dos)** dan ***Bruhealth code* berwarna hijau atau kuning sahaja**;
- (4) Kolam Renang **beroperasi dengan kapasiti 50% dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti kolam renang**;
- (5) Bagi **Kolam-Kolam Renang** dibawah kawalan **Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan** ianya akan **dibuka setiap hari**;
- (6) Hari-hari operasi bagi **Kolam-Kolam Renang lain** adalah **tertakluk kepada pemilik masing-masing**;
- (7) **Menghadkan masa kepada 2 jam sehari bagi setiap pengguna. Masa Operasi** adalah seperti berikut :
 - 8.00 pagi hingga 10.00 pagi
 - 10.00 pagi hingga 12 tengahari (kecuali hari Jumaat sehingga jam 11.30 pagi)
 - 2.00 petang hingga 4.00 petang (kecuali hari Jumaat dari 2.30 petang)
 - 4.00 petang hingga 6.00 petang
- (8) Membersihkan dan **mensanitasi peralatan Kolam Renang sebelum dan selepas** digunakan.
- (9) Pengguna hendaklah **membawa tuala dan botol air sendiri**.
- (10) Individu yang **kurang sihat tidak dibenarkan masuk**;
- (11) **Menjaga kebersihan diri** sepanjang masa.

- (12) Kemudahan **locker room** dan **tempat mandi** adalah **dibenarkan**.
- (13) **Papan tanda dan poster** langkah-langkah pencegahan COVID-19 hendaklah dipaparkan.
- (14) Untuk maklumat lanjut mengenai COVID-19, orang ramai bolehlah menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148**.

b. Tempahan.

- (1) Kolam Renang hendaklah **menyelenggara sistem tempahan dan jadual masa** bagi memastikan keselamatan kakitangan dan pengguna;
- (2) Jumlah maksimum pengguna dalam satu masa hendaklah ditentukan oleh pihak Kolam Renang dan mestilah mengikut peraturan yang ditetapkan bahawa had operasi pada **kadar kapasiti 50%** dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti kolam berkenaan;

c. Peraturan Kolam Renang.

- (1) **Kafeteria, restoran atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **kapasiti 50% dan perkhidmatan buffet tidak dibenarkan**;
- (2) **Pertandingan atau Kejohanan Renang tidak dibenarkan**.
- (3) Penggunaan **tandas dibenarkan dan perlu disanitasi** setiap masa;
- (4) Pihak Kolam Renang hendaklah menyediakan **prosedur bagi memastikan keperluan penjarakkan sosial** dipatuhi di kawasan kolam renang;
- (5) Pihak Kolam Renang hendaklah **menyediakan prosedur bagi memastikan peralatan kolam renang adalah selamat digunakan dan amalan sanitasi** dilaksanakan;
- (6) Semua pembantu Kolam Renang hendaklah **memakai sungkup muka**;
- (7) Pengguna digalakkan untuk **membawa *disinfectant* sendiri** sebagai perlindungan;
- (8) Pemilik kolam renang untuk memastikan **tahap klorin adalah mengikut piawaian kesihatan** yang ditetapkan.

2. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA

a. Pendaftaran.

- (1) Pengguna hendaklah **mengimbas QR code** Kolam Renang sebaik sahaja ketika tiba dan selesai bermain bagi tujuan pengesanan kontak jika diperlukan.

b. Tanggungjawab Pengguna.

- (1) Pengguna hendaklah memastikan mereka **menjaga jarak** sekurang-kurangnya 1.5 meter semasa di kawasan kolam renang;
- (2) **Menjaga kebersihan diri** sepanjang masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer* serta menggunakan sungkup muka bila berada di kawasan yang penuh sesak;
- (3) Menggunakan **peralatan persendirian**;
- (4) **Membawa *disinfectant* sendiri** sebagai perlindungan;